

## Maqasid Syariah Dan Pemeliharaan Alam

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِلنَّاسِ مَا فِيهِ مَصْلَحَتُهُمْ فَأَمَرَهُمْ بِكُلِّ مَا فِيهِ نَفْعُهُمْ وَنَهَاهُمْ عَنْ كُلِّ مَا يَضُرُّهُمْ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الَّذِي أَعَزَّهُمْ بِهِ بَعْدَ الدَّلَّةِ وَجَمَعَهُمْ بِهِ بَعْدَ الْفُرْقَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ التَّجْدَةِ وَالشَّهَادَةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Takwa merupakan salah satu aspek penting dalam diri seseorang hamba. Ia lah yang membentuk tingkah laku dan keperibadian kita untuk melakukan segala yang diperintah Allah, dan meninggalkan segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Secara dasarnya, segala ketetapan dan hukum yang disyariatkan Allah s.w.t. adalah bertujuan untuk memelihara kesejahteraan kehidupan kita di dunia dan akhirat. Oleh itu, Allah s.w.t memerintahkan hamba-hambaNya agar merenung hikmah di sebalik segala yang ditetapkan.

Firman Allah s.w.t. dalam surah Saad ayat 29:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ

وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: “(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu, Kitab yang banyak faedah dan kemanfaatannya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat dan mengambil iktibar.”

Perkara-perkara yang ingin dipelihara oleh Allah s.w.t. melalui panduan, ketetapan dan hukumNya dikenali sebagai “*Daruriyat Al-khams*”. Ia bererti lima perkara yang asas dan dianggap sebagai penting bagi menjamin keselamatan serta penerusan kehidupan insan.

Lima perkara yang dimaksudkan itu ialah: Pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal fikiran serta kewarasan (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasb*) dan harta (*hifz al-mal*).

Saudara yang saya kasihi,

Maqasid pemeliharaan lima perkara ini perlu selalu menjadi antara pertimbangan dasar apabila kita menjalankan kehidupan mahupun melaksanakan agama.

Kita perlu sedari bahawa dengan peredaran masa dan perubahan keadaan, suatu perkara yang tidak dikira sebagai penting dan darurat boleh bertukar menjadi sesuatu perkara yang termasuk dalam kategori darurat dan penting. Terutama lagi sekiranya ia bersangkutan dengan aspek pemeliharaan nyawa dan kesihatan insan.

Sebagai contoh, penjagaan alam sekitar. Dahulunya ia mungkin tidak dianggap seperti suatu perkara yang memerlukan perhatian dan penumpuan yang banyak. Akan tetapi pada zaman kini, disebabkan tindakan tidak bertanggungjawab insan dalam mengejar kemajuan material, kesinambungan alam sekitar kadangkala diabaikan. Natiyahnya, ia meninggalkan kesan-kesan yang memudharatkan kita serta keturunan kita. Baru-baru ini, kita mendapati laporan di akhbar berkaitan perubahan iklim yang telah dialami pelbagai negara. Laporan tersebut menukil pendapat pakar pengkaji yang berpendapat bahawa keadaan bakal menjadi lebih rumit dan buruk sekiranya langkah-langkah pemulihan dan pencegahan

tidak diambil dengan segera. Ia akan mengancam nyawa manusia dan makhluk seluruhnya.

Maka berdasarkan tujuan syariat yang menitikberatkan penjagaan nyawa dan kehidupan makhluk, pemeliharaan alam sekitar menjadi suatu kepentingan yang perlu dipelihara syarak di zaman ini. Ia kini menjadi tanggungjawab setiap daripada kita untuk memelihara alam sekitar. Allah s.w.t berfirman dalam surah Ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ  
أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا  
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: *“Telah timbul berbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)..”*

Kita baru-baru ini merasakan bagaimana mencabarnya hidup dalam keadaan berjerebu mahupun kekurangan hujan yang berpanjangan. Kita tidak ingin sampai ke tahap

diuji Allah dengan ujian yang lebih teruk, kerana kegagalan kita mengambil tindakan. Maka sebagai langkah permulaan untuk menjaga alam sekitar kita, kita seharusnya mengurangkan penggunaan plastik, samada dengan membawa beg sendiri tatkala ke kedai dan pasar.

Kita juga perlu mengurangkan penggunaan alat perkakas *syrofoam* yang menyebabkan masalah yang serius terhadap alam sekitar selain mengambil masa yang lama untuk terurai. Bahkan semasa majlis keramaian gunakanlah perkakas pinggan mangkuk yang mudah terurai (*biodegradable*) yang tidak meninggalkan kesan buruk kepada alam sekitar. Pastikan juga kita menggunakan sumber seperti air, elektrik dan lain-lain dengan kadar yang diperlukan tanpa membazir. Ingatlah Nabi s.a.w. berpesan kepada kita: “*Seandainya telah tiba hari kiamat sedangkan di tanganmu ada anak pokok maka tanamlah ia.*” [Hadith riwayat Imam Ahmad, Al-Musnad]

Ingatlah saudara, alam ini merupakan amanah Tuhan buat diri kita. Hadith yang saya bacakan ini mengingatkan kita akan pentingnya untuk kita memastikan bahawa kita ini menjadi sebab kemakmuran alam dan bukan punca kemusnahannya disebabkan hasil tangan kita. Tiada usaha yang dianggap tuhan sebagai kecil serta tidak bernilai. Oleh itu, tanamkanlah keazaman untuk memainkan peranan dan

menjaga nikmat kurniaan Allah s.w.t. Semoga Allah s.w.t. memelihara kita dan alam sekitar yang dikurniakanNya ini. Amin. Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .